

# KURSUS PENGACARAAN MAJLIS RASMI DAN ISTIADAT ANJURAN BAKAT PU BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2204-kursus-pengacaraan-majlis-rasmi-dan-istiadat-anjuran-bakat-pu-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2204-kursus-pengacaraan-majlis-rasmi-dan-istiadat-anjuran-bakat-pu-butterworth)

BUTTERWORTH, 5 Ogos 17 – Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Pangkalan Udara Butterworth telah menganjurkan Kursus Pengacaraan Majlis Rasmi/ Istiadat di Wisma Perwira yang berlangsung dari 5 hingga 6 Ogos 17. Kursus ini telah dihadiri seramai 40 orang peserta terdiri daripada BAKAT Udara Kawasan Zon Utara (PU Bwth, KTU Alor Setar, ATU Ipoh dan INSKEP Penang) dan pelbagai agensi dari jabatan Kerajaan/swasta. Majlis Perasmian dan Penutupan Kursus telah disempurnakan oleh Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM, merangkap Pemangku Komander Pangkalan Udara Butterworth. Manakala Kursus Pengacaraan ini telah dipimpin oleh YBhg Encik Sophian bin Abd Rahman, selaku Pegawai Istiadat Istana dari Istana Negara, Kuala Lumpur. Antara skop kursus merangkumi pendedahan kepada Protokol, Pengurusan dan Etika Sosial Dalam Majlis Rasmi; Pembinaan Skrip dan Latihan Praktikal Pengacara Majlis.



